

TAJUK TESIS

**KAJIAN MENGENAL PASTI PENGGUNAAN ALAT BANTUAN BERKOMPUTER
DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH MUAR**

DISEDIAKAN OLEH :

HASLINA BINTI BUSRI

96367347

IJAZAH SARJANA MUDA SENIREKA PERINDUSTRIAN

FAKULTI SENILUKIS DAN SENIREKA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM, SELANGOR

TAHUN 1999/2000

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....

Selawat serta salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah rahmat-Nya serta keizinan-Nya, maka lahirlah tesis ini bertujuan melengkapkan matlamat dan wawasan Fakulti Senilukis dan Senireka untuk meningkatkan kecemerlangan budaya dan minda ilmu serta penyelidikan di kalangan para siswa dan siswazah.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan sekalung terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua ibu bapa saya serta keluarga yang telah banyak memberi didikan serta dorongan dalam usaha memajukan diri hingga ke peringkat ijazah ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada penasihat saya:-

- Profesor Dr. Kamarudzaman bin Md. Isa

Kerana telah banyak memberikan bimbingan dan didikan kepada saya untuk menyiapkan dan menyempurnakan tesis ini.

Pada kesempatan ini ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada :-

SINOPSIS

Daerah Muar merupakan sebuah daerah yang sedang membangun dan maju dari segi kehidupan dan infrastrukturnya. Terdapat pelbagai bangsa, agama dan kedudukan di dalamnya. Pembangunan dan kemajuan yang melanda mewujudkan rangkaian pendidikan kepada generasi muda dalam kehidupan yang serba mencabar ini.

Pada pendapat penulis, masyarakat masih lagi keliru dengan teknologi maklumat. Ini berikutan masyarakat mempunyai tanggapan yang terlalu luas berhubung dengan teknologi maklumat sehingga menjadikan seolah-olah teknologi ini sebagai jawapan untuk menyelesaikan semua masalah. Sedangkan pada hakikatnya, teknologi maklumat hanya sekadar alat yang masih lagi bergantung kepada manusia untuk menggerakkannya.

Kita sememangnya tidak dapat manafikan potensi besar yang ada pada teknologi maklumat. Namun, kita semua perlu ingat bahawa teknologi ini tidak akan bermanfaat sekiranya tidak digunakan dengan bijaksana. Jika teknologi ini disalahgunakan, maka yang menerima padahnya adalah masyarakat itu sendiri.

Senario di peringkat global memperlihatkan bagaimana negara-negara maju mendominasi perkembangan teknologi maklumat ini. Justeru, keadaan ini mewujudkan senario yang tidak seimbang kerana negara-negara membangun akan kekal sebagai pengguna dan negara-negara maju tetap teguh sebagai pemimpin dalam bidang ini. Justeru di peringkat tempatan, penulis berharap agar senario ini dapat dielakkan. Ini kerana keadaan yang wujud di antara kawasan bandar dan luar bandar hanya akan menyaksikan perkembangan teknologi

ISI KANDUNGAN**HALAMAN**

| | |
|--------------------------|------------|
| HALAMAN PEMERIKSA | <i>II</i> |
| PENGHARGAAN | <i>III</i> |
| SINOPSIS | <i>V</i> |
| ISI KANDUNGAN | <i>VII</i> |

BAB 1

| | |
|-------------------------------|----------|
| 1.1. PENGENALAN | <i>1</i> |
| 1.2. OBJEKTIF KAJIAN | <i>3</i> |
| 1.3. METODOLOGI KAJIAN | <i>5</i> |
| 1.4. HIPOTESIS | <i>6</i> |

BAB 2

| | |
|---|-----------|
| 2.1. SEJARAH KOMPUTER | <i>8</i> |
| 2.2. SEJARAH AWAL PENDIDIKAN | <i>10</i> |
| 2.3. PERKEMBANGAN PENDIDIKAN MENENGAH | <i>12</i> |
| 2.4. MENGAPA KOMPUTER PENTING DALAM BIDANG PENDIDIKAN ? | <i>14</i> |
| 2.5. TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN PERANANNYA DALAM SISTEM PENDIDIKAN DI MALAYSIA | <i>16</i> |
| 2.5.1. Apakah Teknologi Maklumat (IT)? | <i>16</i> |
| 2.5.2. Beberapa contoh Teknologi Maklumat | <i>17</i> |

1.1. PENGENALAN

Sejak 20 tahun yang lalu dan dalam tempoh 10 atau dua puluh tahun akan datang, berlaku revolusi yang besar dalam cara maklumat dan ilmu ditemui, dicipta, dikumpul, disimpan semula, disebar dan digunakan dalam pelbagai aktiviti dan kehidupan kita. Maklumat tidak sahaja dicipta dengan pena dan ditulis dengan tangan dan disimpan dalam buku, tetapi berubah kerana dicipta, disimpan dan diedar dengan pelbagai media elektronik, rakaman video, pita audio dan komputer.

Berlaku revolusi dalam sistem penciptaan ilmu dan komunikasi. Sebagai contoh kita akan hanya membawa sekeping disket sahaja yang mengandungi ensiklopedia Britannica. Dengan mudahnya pula maklumat ini '*diacesskan*'. Pemindahan maklumat di antara negara-negara adalah '*instant*'.

Dalam beberapa tahun akan datang mungkin kita akan dapat menerima siaran televisyen dari seluruh dunia. Dunia sedang menuju menjadi satu '*global village*' dalam banyak segi. Pemindahan maklumat melalui komputer, televisyen, telefon dan telefax secara instant akan menjadi perkara biasa yang akan digunakan oleh kebanyakan orang di negara kita tidak lama lagi. Semua ini mempunyai implikasi pendidikan dan pembangunan di Malaysia.

Kita harus menyedari bahawa dunia pada abad ke-21 adalah lebih mencabar dan kejayaan sesebuah negara untuk menjadi negara maju atau negara industri tertakluk kepada